



KERAJAAN MALAYSIA

LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 7 TAHUN 2008**

**TEMPOH KUATKUASA LESEN DAN HAD USIA KENDERAAN
PERDAGANGAN BAGI KELAS LESEN TEKSI**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2008

Semua Persatuan Teksi Semenanjung Malaysia.
Semua Pengusaha Teksi Semenanjung Malaysia.

TEMPOH KUATKUASA LESEN DAN HAD USIA KENDERAAN PERDAGANGAN BAGI KELAS LESEN TEKSI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penguatkuasaan tempoh lesen dan lanjutan had usia kenderaan perdagangan bagi kelas lesen teksi.

LATAR BELAKANG

2. Y.B. Dato' Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mengumumkan persetujuan Kerajaan untuk melanjutkan had usia kenderaan kelas lesen teksi daripada 7 tahun kepada 10 tahun. Perkara tersebut telah diumumkan di Permatang Pauh, Pulau Pinang pada 23 Ogos 2008 dan juga dalam Mesyuarat Persediaan Bas Ekspres Tambahan Musim Perayaan Hari Raya Aidil Fitri 2008 bertarikh 4 September 2008 di Ibu Pejabat MARA.

3. Pelanjutan tersebut bertujuan untuk membolehkan pengusaha teksi memperolehi pendapatan sepenuhnya setelah tamat tempoh pinjaman pembiayaan kenderaan daripada institusi kewangan.

4. Mesyuarat Lembaga Bil. 21/2008 bertarikh 15 September 2008 telah bersetuju supaya had usia teksi dilanjutkan daripada 7 tahun kepada 10 tahun.

TEMPOH LESEN

5. Had maksimum kenderaan yang boleh dilesenkan ialah **3 tahun dari tarikh didaftarkan**. Had ini merangkumi lesen baru dan semasa ganti kenderaan.

6. Bagi kenderaan baru, tempoh lesen diberikan 10 tahun manakala bagi kenderaan terpakai tempoh lesen ialah baki had usia. Contohnya seperti berikut:

USIA KENDERAAN DARI TAHUN DIDAFTARKAN	TEMPOH LESEN DIBERI
1 tahun	7 tahun pertama + 2 tahun tempoh lanjutan
2 tahun	7 tahun pertama + 1 tahun tempoh lanjutan
3 tahun	7 tahun

7. Bagi lesen teksi baru, tempoh lesen yang pertama ialah 7 tahun. Setelah tamat tempoh tersebut, pelanjutan diberikan untuk tempoh 3 tahun lagi.

TEMPOH HAD USIA KENDERAAN

8. Had usia kelas lesen teksi adalah 10 tahun dan perlu mengganti kenderaan selepas tempoh tersebut. Had usia ini terpakai kepada teksi sedia ada dan yang baru dilesenkan.

PEMAKAIAN

9. Semua pejabat Wilayah LPKP dikehendaki mengikut garis panduan dan prosedur semasa pengeluaran lesen dan mengambil maklum terhadap had usia kenderaan (teksi) yang telah ditetapkan.

10. Peraturan ini tidak termasuk kelas lesen Kereta Sewa, Teksi Mewah, Teksi Lapangan Terbang dan Kereta Sewa dan Pandu.

TARIKH KUATKUASA

11. **Pekeliling LPKP Bil. 2 Tahun 2005 bertarikh 26 Januari, para 5.1.2** berkenaan dengan tempoh lesen adalah terbatal.

12. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEUSAHAWAN KERJAYA PILIHAN”**



(NAIMAH BINTI RAMLI)

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

19 **SEPTEMBER 2008**